

Ahli2 juga diminta tolak oportunist2 politik yang semakin ramai muncul

# UMNO bukan 'alat mendaki gunung' — Dr. N

Oleh Khalid Mohd.

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

**UMNO bukan 'alat mendaki gunung'**

UM 8 JUL 1985

Hari ini, katanya, yang tidak dipelawa pun turut menonjolkan diri.

Datuk Sri Dr. Mahathir tidak mahu perebutan untuk

gadam hartanya untuk menjadi pemimpin, "tetapi keadaan sekarang sudah menjadi sebaliknya."

Datuk Sri Dr. Mahathir

**K**UALA PILAH 7 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan menjadikan parti sebagai "alat untuk mendaki gunung" sebaliknya memastikan semangat perjuangan parti tidak dikuasai oleh politik duitan.

Beliau juga mahukan ahli-ahli UMNO menolak oportunistik - oportunistik politik yang semakin ramai muncul dalam parti itu sekarang.

Jika tidak, tegasnya, mereka akan membawa kelemahan kepada UMNO melalui amalan kempenn tidak sihat termasuk menggunakan wang untuk merebut jawatan-jawatan dalam parti.

Berucap merasmikan mesyuarat agung UMNO bahagian Kuala Pilah di sini hari ini, Presiden UMNO itu menegaskan.

8 JUL 1985

"Masanya telah tiba bagi kita merenung semula dengan bersungguh-sungguh sama ada semangat memperjuangkan bangsa, agama dan tanahair masih mempengaruhi fikiran kita atau ia ditenggelami oleh politik duitan, kepentingan dan kedudukan."

Perdana Menteri juga bimbang kerana walaupun ahli-ahli UMNO bertambah, tetapi bilangan mereka yang faham akan selok-belok parti serta matlamat perjuangannya telah merosot.

Kemerosotan ini, katanya, jelas ternampak bila ada ahli-ahli parti yang sanggup menjadi calon meskipun mereka tidak faham perlembagaan UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, keadaan dalam UMNO sekarang sudah jauh berubah di mana yang tidak dipelawa menjadi calon pun cuba menonjolkan diri masing-masing dengan berbagai cara.

"Ada yang gunakan wang dan ada pula hingga membentuk kabinet bayangan tanpa mengambil kira akibat buruk yang akan menimpa parti," katanya.

Menurut beliau, pemimpin-pemimpin UMNO zaman dahulu bersikap menolak pelawaan-pelawaan untuk memegang jawatan dengan alasan mereka tidak layak.

menjadi pemimpin UMNO walaupun sekadar di peringkat cawangan didorong oleh berbagai nikmat yang boleh diperolehi dari kedudukan itu.

"Walaupun di peringkat cawangan, ada yang boleh dapat lesen teksi atau lesen balak," katanya disambut dengan gelak ketawa para perwakilan.

Akibat dari matlamat - matlamat yang sudah terpesong ini, ujarnya, soal menyertai parti untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara pun diketepikan.

Beliau menyebut bagaimana Tunku Abdul Rahman dahulu terpaksa meng-

berkata, bila matlamat memegang jawatan dalam parti bukan lagi berdasarkan kesedaran terhadap perjuangannya, maka berlakulah amalan - amalan tidak sihat dalam rebutan jawatan - jawatan.

Beliau bimbang UMNO akan kehilangan kekuatan dan kedudukannya sebagai parti tulang belakang kerajaan andainya amalan - amalan tidak sihat yang berlaku sekarang tidak disekat.

Menjelaskan keputusan Majlis Tertinggi yang bersidang semalam berhubung dengan kes-kes mahkamah yang melibatkan parti, beliau berkata, mahkamah bukanlah tempat untuk mencari kemenangan seseorang calon.

Ini, ujarnya, adalah kerana dalam politik, kemenangan bergantung pada sokongan ramai dan bukannya keputusan mahkamah.

Seseorang calon yang kalah dalam pemilihan sesuatu jawatan tidak perlu mencari kemenangan di mahkamah dengan cuba membuktikan pemilihan sesuatu jawatan itu adalah tidak sah, ujarnya.

"Kekuatan sesuatu kumpulan atau parti adalah bergantung kepada sokongan ramai terhadap pemimpinnya," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun yakin anasir - anasir dalam UMNO yang cuba menggunakan parti untuk kekayaan dan kepentingan sendiri tidak akan berjaya.

Syaratnya, kata beliau, ialah ahli-ahli UMNO sendiri hendaklah menolak orang - orang seperti itu kerana untuk membanteras amalan tidak sihat seperti rasuah, pihak yang menenerima juga harus menyedari kesalahan mereka.